



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**27 Oktober 2023
12 Rabiulakhir 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Musim peralihan monsun, nelayan kurang turun ke laut
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Jurutera tukar karier jadi penternak lobster
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			30	27.10.2023

Musim peralihan monsun, nelayan kurang turun ke laut

UM M630

GEORGE TOWN: Nelayan-nelayan di negeri ini kini berdepan dengan ketidaktentuan dalam mencari rezeki di laut sulan musim peralihan monsun yang sedang melanda negeri-negeri di Utara tanah air.

Jika sebelum ini nelayan dapat turun ke laut setiap hari, namun kini mereka hanya dapat keluar menangkap ikan di laut dalam tempoh dua atau tiga hari seminggu kerana faktor hujan dan angin kuat sehingga menyebabkan laut bergelora.

Ketua Unit Nelayan Teluk Kumbar, Rosli-
zan Ramli berkata, sejak awal bulan ini berlaku hujan lebat serta angin kencang menyebabkan laut bergelora dan situasi itu dijangka berterusan sehingga Disember ini.

“Setiap tahun memang apabila berlaku musim peralihan monsun nelayan berdepan kesukaran untuk turun ke laut.

“Macam saya sendiri, baru-baru ini lima hari saya tidak dapat turun ke laut kerana hujan berterusan serta keadaan laut yang merbahaya bagi bot-bot nelayan kecil,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurutnya, bekalan ikan juga dijangka berkurangan sepanjang musim peralihan monsun itu kerana nelayan tidak dapat turun ke laut.

“Pada masa ini, dalam seminggu jika cuaca baik nelayan memang akan turun ke laut, namun selalunya kami tidak dapat turun setiap hari seperti sebelumnya kerana laut bergelora.

“Bekalan ikan seperti ikan rakyat (termenung) berkurangan di pasaran kerana nelayan tidak dapat ke laut setiap hari, namun kekurangannya tidak terlalu ketara,” katanya.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		✓	NEGATIF	NEUTRAL	18	27.10.2023



HAFIZUL menunjukkan ternakan lobster air tawar yang diusahakan di rumahnya di Kampung Puteri Menangis, Ayer Baloi, Pontian.

KOSMO MS18

Jurutera tukar karier jadi penternak lobster

PONTIAN — Keputusan seorang pemuda meninggalkan kerjaya jurutera untuk menjaga bapanya yang diserang angin ahmar membuka laluan kepada lelaki itu untuk bergelar penternak lobster air tawar.

Hafizul Alief Abu Bakar, 32, berkata, dia melepaskan pekerjaan profesional itu sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan untuk memberikan perhatian kepada bapanya yang diuji masalah kesihatan.

Menurutnya, sebelum terlibat ternakan lobster air tawar di bawah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Ogos lalu, dia terlebih dahulu menternak 2,000 ekor ayam kampung.

“Saya sertai program itu bagi menggantikan peserta lain yang tidak dapat teruskan atas sebab tertentu.

“Sebagai peserta, saya perlu sediakan tapak dan infrastruktur, manakala kolam kanvas, anak (benih) lobster disediakan

oleh UTM. Kami juga diberikan taklimat mengenai penjagaan ternakan ini,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Puteri Menangis, Ayer Baloi, di sini baru-baru ini.

Jika tiada masalah, lobster itu boleh dituai pada Mac 2024 dengan anggaran berat seekor 1 kilogram (kg) hingga 1.5kg.

“Ada tiga kaedah pemasaran iaitu jual 100 peratus hasil kepada UTM, menjual 50 peratus atau peserta jual sendiri. Harganya pula RM50 hingga RM110 bagi berat 1.5kg,” ujarnya.

Ternakan itu memakan dedak atau palet. Selain lobster segar, peserta juga diberikan peluang memasarkan anak benih kepada penternak lain.

“Setakat ini ternakan lobster berjalan dengan baik walaupun ada yang mati, tetapi saya berpuas hati dengan usaha awal ini sebagai satu sumber pendapatan baru kepada masyarakat di luar bandar,” ujarnya.